

# MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT ANGGOTA PROVOS PANGKALAN UDARA GONG KEDAK

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/1728-majlis-pemakaian-pangkat-anggota-provos-pangkalan-udara-gong-kedak](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/1728-majlis-pemakaian-pangkat-anggota-provos-pangkalan-udara-gong-kedak)

GONG KEDAK, 29 Mac 17 - Komander Pangkalan, YBhg Brig Jen Suhaimi bin Hussain TUDM telah menyempurnakan Majlis Pemakaian Pangkat Anggota Provos . Majlis tersebut julung-julung kali diadakan di Tapak Merempuh Halangan Pangkalan Udara Gong Kedak yang turut disaksikan oleh Pegawai-pegawai dan Anggota Provos Pangkalan Udara Gong Kedak.

Seramai Lima anggota Provos dinaikan pangkat telah membuat demonstrasi merempuh halangan sebelum dipakaikan pangkat. Antara yang dinaikan pangkat adalah Luk Mohd Shahiran bin Ali, Luk Mohd Imran bin Umar, Luk Zulfadzli bin Hj Basir, Luk Zulkhairil bin Shukri dinaikkan pangkat ke Pemangku Koperal Udara seterusnya Lu I Mohammad Muzamir bin Nanyan dinaikkan ke Laskar Udara Kanan.

Komander Pangkalan mengucapkan tahniah dan memberi nasihat dan perangsang agar semua anggota yang telah dinaikkan pangkat terus meningkatkan prestasi kerja selaras dengan pangkat yang diperolehi. Dalam ucapan itu juga, setiap warga pangkalan Udara Gong Kedak harus memainkan peranan masing-masing untuk menjadikan Integriti sebagai budaya dalam kehidupan seharian bermula dari rumah dan mempraktikkan Nilai Teras TUDM iaitu Integriti, Keberanian, Kecemerlangan, Setiakawan dan Mengutamakan Perkhidmatan. Selain itu juga, menjaga Body Mass Index (BMI) yang kini menjadi syarat kenaikan pangkat dan pengesahan jawatan.



